



Batuan Tengah Barat

Batuan Tengah Timur

Batu Putih

HAK KITA.... Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) kelmarin memulakan kerja-kerja pembinaan struktur pertama di Batuan Tengah sekali gus membuktikan secara fizikal bongkah batu di Selat Singapura itu milik Malaysia.

Binaan itu yang berfungsi sebagai Sistem Penentu Kedudukan (GNSS) akan memberi maklumat secara tepat mengenai kedudukan Batuan Tengah untuk dimasukkan dalam Jaringan Kawalan Data Semenanjung Malaysia jabatan berkenaan. Pasukan Jupem seramai 19 orang itu berada di Batuan Tengah

selama empat jam, kehadiran pertama agensi pemetaan tersebut di kawasan yang menjadi rebutan antara Malaysia dan Singapura sebelum ia diputuskan hak Malaysia oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei lalu. [Berita, gambar di muka 4]

- DUA kakitangan Jupem mengukur topografi kedudukan Batuan Tengah Timur atau Middle Rocks berhampiran Batu Putih, kelmarin.

- Gambar eksklusif RAJA JAAFAR ALI

Urusan M'sia
 ns4
 selat
 batu putih